

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 20 SEPTEMBER 2013 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	MOSTI tawar RM3j bangunkan produk	Sinar Harian
2	MOSTI sasar pasar 360 produk baru	Harian Metro
3	Kementerian cadang tubuh Pusat Pameran Inovasi Negara	Utusan Malaysia
4	2014 is Malaysia Commercialisation Year	Business Times
5	Government to monetise some local inventions	Business Times
6	MOSTI sedia salur dana biayai pembangunan berinovasi anak syarikat, agensi kerajaan negeri	Bernamea.com
7	Cipta alat pembakar seramik	Berita Harian
8	Developing safety standards	The Star
9	Gempa bumi sederhana melanda Papua New Guinea	Bernamea.com
10	Amaran angin kencang, laut bergelora ekoran Taufan Usagi	Bernamea.com
11	Makmal SIRIM terbakar	Harian Metro
12	Kurang arif guna LPG risiko kebakaran	Berita Harian

Mosti tawar RM3j bangunkan produk

AYERKEROH—Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) menawarkan dana berjumlah RM500,000 sehingga RM3 juta bagi membantu membangunkan produk bercirikan inovasi.

Timbalan Menteri, Prof Datuk Abu Bakar Mohd Diah berkata, orang ramai perlu merebut peruntukan dana bersaiz besar yang ditawarkan oleh enam agensi di bawah kementerian terbabit.

Antaranya melibatkan Unit Dana, Biotech Corp, Agensi Nuklear Malaysia, Technology Park Malaysia, Mimos dan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia.

“Sebagai contoh Melaka yang dinamik menuju negeri maju fasa kedua perlu mengambil peluang besar ini bagi membangunkan produk bercirikan inovasi.

“Kesempatan ini perlu di-



Abu Bakar dan Md Yunus hadir bersama pada Taklimat Pembangunan Dari Agensi-agensi di bawah Mosti semalam.

rebut setiap negeri juga selepas Pulau Pinang dan Selangor yang banyak menerima dana bagi membangunkan produk inovasi,” katanya.

Beliau berkata kepada pemberita pada sesi Taklimat Pembangunan Dari Agensi-agensi di bawah Mosti di Seri Negeri, semalam.

Hadir sama, Exco Pendidikan, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi negeri, Datuk Md Yunus Husin.

MOSTI sasar pasar 360 produk baru

Kuala Lumpur: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menyasarkan pengkomersialan 360 produk inovasi menjelang Tahun Pengkomersialan Malaysia (YCY) tahun depan bagi meningkatkan daya saing produk tempatan di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Timbalan Menteri Datuk Dr Abu Bakar Diah berkata, pihaknya merancang untuk mengkomersialkan 1,134 produk inovasi pernah menerima pelbagai pengiktirafan di peringkat tempatan bagi memastikan hasil intelek negara itu berkembang ke peringkat lebih baik.

"Sebelum ini, kami memang mempunyai produk inovasi berpotensi dipertingkatkan, namun ia terhenti setakat itu saja kerana kurang inisiatif dan sokongan pihak berkaitan," katanya pada majlis prapelancongan Forum Inovasi Dunia Kuala Lumpur 2013 (WIFKL 2013) di sini, semalam.

Sebelum ini, kami memang mempunyai produk inovasi berpotensi dipertingkatkan, namun ia terhenti setakat itu"

Dr Abu Bakar Diah

MOSTI melabur RM2.9 bilion di bawah Rancangan Malaysia ke-9 (RMK-9) untuk meningkatkan bilangan produk inovasi melalui tawaran pelbagai dana dan geran, di mana sebanyak 341 produk inovasi berjaya dikomersialkan sepanjang pelan terbabit.

Beliau berkata, MOSTI merancang membina pusat pameran inovasi Malaysia bagi memberi peluang kepada orang ramai mempamerkan produk inovasi masing-masing tanpa dikenakan bayaran.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 24
TARIKH : 20 SEPTEMBER 2013 (JUMAAT)

Kementerian cadang tubuh Pusat Pameran Inovasi Negara



**ABU BAKAR
MOHAMAD DIAH**

KUALA LUMPUR 19 Sept. - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi akan menubuhkan sebuah Pusat Pameran Inovasi Negara yang bertanggungjawab mempromosi dan memastikan usaha pengkomersialan produk inovasi dapat dijalankan secara berterusan.

Timbalan Menteri, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, pusat pameran yang dijangka dibuka secara percuma kepada penyelidik dan orang ramai pada tahun hadapan

itu adalah selaras dengan sasaran untuk menjadikan 2014 Tahun Pengkomersialan Produk Inovasi.

“Perkara ini kini masih dalam proses perbincangan. Pusat pameran ini akan bertindak sebagai galeri dan mengumpulkan produk inovasi tempatan dalam pelbagai bidang.

“Hal ini demikian kerana pihak kami sedar bahawa kebanyakan produk inovasi yang dipamerkan dalam majlis dan ekspo tidak dipromosi atau dikomersial-

kan secara berterusan selepas diperkenalkan kepada masyarakat,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar prapelancaran Forum Inovasi Sedunia Kuala Lumpur 2013 (WIF-KL 2013), di sini hari ini.

Yang hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Dr. Rosli Mohamed dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), Dr. Mazalan Kamis.

Menurut Abu Bakar, kewujudan pusat pameran itu juga relevan ke arah

mencapai status negara pengeluar berteknologi tinggi menjelang 2020.

Mengulas lanjut, beliau berkata, penubuhan pusat pameran itu secara tidak langsung akan memasarkan produk inovasi tempatan kepada negara luar sekaligus mengubah landskap inovasi Malaysia yang pada ketika ini berada pada tahap rendah berbanding negara lain.

Katanya, langkah itu juga akan mencipta budaya inovasi baharu dalam kalangan masyarakat terutama-

nya generasi muda.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau berkata, kementerian menyasarkan kira-kira 10,000 pengunjung dan 1,500 peserta dari 25 buah negara akan hadir pada forum tersebut.

Forum dengan kerjasama YIM selama tiga hari bermula pada 12 November ini diadakan bagi membincangkan pendekatan terbaharu yang boleh diketengahkan dalam memperkasakan industri inovasi negara ini.

